

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Penyata Pendedahan Produk (PPP) ini memberikan maklumat penting mengenai **Kad Debit Perniagaan BSN Visa**.

Pelanggan lain telah membaca PPP ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga dinasihatkan untuk membacanya.**



BANK SIMPANAN NASIONAL

Tarikh: _____

1 Apakah Kad Debit Perniagaan BSN Visa?

Kad Debit Perniagaan BSN Visa adalah satu instrumen pembayaran yang membolehkan Ahli Kad membuat pengeluaran wang tunai dan pembelian barangan dan perkhidmatan daripada BSN GIRO/-i Akaun Syarikat atau BSN GIRO/-i Premium Akaun Syarikat atau BSN atau BSN Akaun Semasa Asas-i yang dikenali sebagai akaun semasa/simpanan perniagaan Ahli Kad yang ditetapkan ("CASA Perniagaan"). Ahli Kad perlu mengekalkan akaun semasa/simpanan Perniagaan di BSN supaya dapat dihubungkan dengan Kad Debit Perniagaan BSN Visa. Sekiranya Ahli Kad menutup akaun semasa/simpanan ini, sebarang transaksi melalui Kad Debit Perniagaan BSN Visa tidak dapat dilakukan. Kelayakan adalah terhad kepada pemilik perniagaan milikan tunggal / penaja (individu). Kad Debit Perniagaan BSN Visa (bagi akaun Islamik) adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah Ujah (yuran sebagai balasan ke atas Perkhidmatan yang disediakan, manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan).

2 Ketahui Tanggungjawab Anda

Anda perlu membayar caj dan yuran berikut:

Butiran	Caj/Yuran
Yuran Tahunan a. BSN GIRO/-i Akaun Syarikat b. BSN GIRO/-i Premium Akaun Syarikat c. BSN Akaun Semasa Asas-i <i>Nota: Yuran tahunan akan dikenakan pada tarikh ulang tahun Kad. Ia tidak akan dikenakan pada tahun yang sama Kad dikeluarkan kepada Ahli Kad.</i>	RM8 RM8 Dikecualikan
Pengeluaran Kad Baru a. BSN GIRO/-i Akaun Syarikat b. BSN GIRO/-i Premium Akaun Syarikat c. BSN Akaun Semasa Asas-i	RM12 RM12 Dikecualikan
Pembaharuan Kad	Dikecualikan
Yuran Penggantian Kad (jika terpakai) ▪ Untuk kerosakan kad disebabkan kecuaihan Ahli Kad, hilang atau dicuri ▪ Cip kad rosak	RM12 Dikecualikan
Pengeluaran Tunai ATM Domestik ▪ ATM BSN ▪ ATM di Bank Tempatan yang lain melalui MEPS ▪ ATM di Bank Asing melalui MEPS (Berkkuat kuasa 1 Julai 2026, yuran RM1 untuk Pengeluaran Tunai Antara Bank di semua Mesin Juruwang Automatik (ATM) dan Mesin Kitar Semula Tunai (CRM) di seluruh negara akan dikecualikan.) Antarabangsa ▪ Rangkaian ATM melalui VISA PLUS	Dikecualikan RM1 setiap pengeluaran tunai RM1 setiap pengeluaran tunai RM12 setiap pengeluaran tunai
Pertanyaan Baki ATM	Dikecualikan
Rekod Transaksi (2 bulan terakhir) Perbankan Dalam Talian www.bsnebiz.com.my	Dikecualikan
Pemindahan Wang melalui ATM kepada bank-bank ahli MEPS	RM0.50 setiap transaksi (Bagi transaksi RM5,000 ke atas)
Yuran Permintaan Semula Slip Jualan	RM15 setiap salinan
Yuran Permintaan Tunai MyDebit (Tarikh Kuat Kuasa 1 Julai 2022)	RM0.50 setiap transaksi di mana-mana rakan niaga / peruncit MyDebit terpilih. (Had pengeluaran sebanyak RM500 untuk setiap transaksi)
Bayaran Penukaran untuk Urus Niaga Luar Negara	Mengikut kadar pertukaran yang ditentukan oleh VISA tambah yuran transaksi dikenakan oleh VISA (bersamaan dengan 1%)

Nota: Semua Yuran dan Caj yang dikenakan ke atas Kad Debit Perniagaan Visa BSN anda tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di Malaysia yang dikira pada kadar semasa.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami **terma dan syarat utama dan penyata pendedahan produk Kad Debit Perniagaan BSN Visa** sebelum anda menandatangani.



Menandatangani di belakang **Kad Debit Perniagaan BSN Visa** sebaik sahaja menerima kad dan mematuhi terma dan syarat yang berkenaan.



Memastikan dana mencukupi tersedia dalam akaun anda sebelum melakukan sebarang transaksi menggunakan Kad Debit.



Ambil semua **langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk melindungi** Kad Debit dan PIN anda pada setiap masa, termasuk:

- ✓ Jangan mendedahkan butiran kad, PIN, atau maklumat keselamatan (seperti kata laluan) anda kepada mana-mana pihak lain.
- ✓ Hanya memberikan butiran kad untuk tujuan pembayaran, pengesahan pembelian, atau semasa mendaftar kad ke e-dompet (*mobile wallet*).
- ✓ Jangan merekodkan atau menyimpan PIN bersama kad.
- ✓ Jangan membenarkan mana-mana pihak lain menggunakan kad atau PIN anda.
- ✓ Jangan menggunakan nombor PIN yang mudah diteka seperti tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu, atau nombor telefon.
- ✓ Pastikan telefon bimbit yang digunakan untuk kad anda sentiasa berada dalam keadaan selamat.



Hubungi BSN dengan segera sekiranya anda mengesan sebarang transaksi tanpa kebenaran, kehilangan, kecurian atau penyalahgunaan Kad Debit atau PIN anda.



Maklumkan BSN dengan segera sekiranya terdapat **pertukaran nombor telefon**.



Semak rekod transaksi secara berkala dan maklumkan BSN mengenai sebarang kesilapan dalam tempoh **14 hari** dari tarikh transaksi.



Menggunakan Kad Debit secara **bertanggungjawab dan hanya untuk tujuan yang sah**, termasuk mematuhi kepada keperluan Syariah (jika berkenaan).

3 Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

Anda diwajibkan untuk menjalankan langkah berjaga-jaga untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad Debit Perniagaan BSN Visa dan/atau PIN anda. Jika anda gagal berbuat demikian, anda akan bertanggungjawab atas kerugian daripada e-perbankan, debit terus atau kad transaksi tidak sah dan tidak terhad kepada yang berikut:

- a. Anda akan bertanggungjawab atas transaksi tanpa kebenaran berasaskan PIN jika anda telah:
 - i. Melakukan penipuan; atau
 - ii. Menangguhkan dalam memberitahu pihak BSN secepat yang mungkin setelah menyedari kehilangan/penggunaan tanpa kebenaran pada Kad anda; atau
 - iii. Secara sukarela mendedahkan PIN anda kepada orang lain; atau
 - iv. Merekodkan PIN anda pada Kad, atau menyimpan PIN berhampiran dengan Kad anda.
- b. Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh, jika anda telah:
 - i. Melakukan penipuan; atau
 - ii. Menangguhkan dalam memberitahu pihak BSN secepat yang mungkin setelah menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran pada Kad Debit Perniagaan BSN Visa anda; atau
 - iii. Meninggalkan Kad anda atau item yang mengandungi Kad anda tanpa jagaan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; atau
 - iv. Secara sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad anda.

4 Terma Utama Lain

- **Penetapan had pengeluaran tunai dan had pembelian harian**
 - Had harian pengeluaran ditetapkan pada RM5,000. Anda boleh menetapkan had pengeluaran tunai di ATM BSN atau di mana-mana cawangan BSN sehingga maksimum RM5,000 sehari.
 - Had pembelian harian ditetapkan pada RM10,000. Anda boleh menetapkan had pembelian harian melalui ATM BSN, mana-mana Cawangan BSN, atau di Pusat Perhubungan Pelanggan BSN sehingga maksimum RM10,000.
- **Pembelian dalam talian atau transaksi luar negara**
 - Anda perlu mengaktifkan fungsi pembelian dalam talian/transaksi luar negara apabila anda perlu menggunakannya sahaja bagi mengurangkan risiko transaksi dan pengeluaran wang yang tidak sah. Pengaktifan dan penyahaktifan boleh dibuat melalui ATM BSN, mana-mana Cawangan BSN, atau di Pusat Perhubungan Pelanggan BSN.
 - Anda dinasihatkan supaya berwaspada terhadap risiko-risiko transaksi tidak sah sekiranya anda mengaktifkan fungsi transaksi luar negara dan pembelian dalam talian.
 - Anda dinasihatkan melayari laman sesawang yang selamat apabila melakukan sebarang pembelian dalam talian.
- **Transaksi tanpa sentuh (contactless transaction)**
 - Setiap transaksi tanpa sentuh dihadkan kepada RM250, dan jumlah transaksi terkumpul adalah terhad kepada jumlah maksimum tertentu yang ditetapkan oleh BSN dan tertakluk kepada had pembelian harian. Anda boleh mengurangkan had ini atau membatalkan fungsi pembayaran tanpa sentuh di mana-mana Cawangan BSN. Had yang dinyatakan di sini tidak terpakai untuk transaksi berkaitan tol.
- **Caj Pra-kebenaran**
 - Jumlah pra-kebenaran sebanyak RM200 akan didebitkan dari akaun simpanan anda yang dihubungkan dengan Kad Debit Perniagaan BSN Visa apabila anda membuat bayaran petrol di Terminal Pam Luar. Perbezaan jumlah asal dari pra-caj yang dikenakan akan dikembalikan kepada akaun anda setelah penyelesaian dilakukan oleh peniaga selepas dari T (transaksi + 3 hari bekerja). Anda dinasihatkan untuk membuat transaksi di kaunter juruwang untuk mengelakkan dari jumlah pra-kebenaran dikenakan.

Nota: BSN berhak untuk menamatkan kad anda sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat (T&C).

Jika anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai Kad Debit Perniagaan BSN Visa, anda boleh:



Hubungi kami di:
Tel: 03-2613 1900
(8.00am – 10.00pm)



Layari Laman Sesawang BSN di:
<https://www.bsn.com.my>



E-mel kami di:
customercare@bsn.com.my



Tulis kepada kami di:
Jabatan Digital & Kad,
Bank Simpanan Nasional,
Tingkat Bawah, Blok A,
117 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.